

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SBU 320 - Pembangunan Bandar dan Desa

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** dari soalan-soalan berikut. Jawapan hendaklah padat dan tepat.

1. Bincangkan alasan-alasan yang digunakan bagi menyokong pembangunan bandar bersaiz sederhana dan pekan kecil sebagai alternatif kepada kawasan metro.
(100 Markah)

2. Bincangkan secara teliti kelemahan strategi pembangunan bandar Barat apabila dilaksanakan dalam negara Dunia Ketiga.
(100 Markah)

3. Pengaruh politik dan proses perancangan merupakan dua faktor terpenting dalam memahami masalah yang wujud di bandar negara Dunia Ketiga. Sejauhmana anda setuju dengan kenyataan ini.
(100 Markah)

4. Secara ringkas,uraikan pendekatan-pendekatan strategi pembangunan desa dan hubungannya dengan teori-teori pembangunan. Sekiranya anda diberi peluang melaksanakan pembangunan desa di mana-mana negara, strategi pembangunan desa manakah yang anda akan pilih? Apakah alasan anda memilih strategi tersebut?
(100 Markah)

...2/-

5. Sedikit sebanyak strategi Revolusi Hijau dikatakan telah berjaya meningkatkan kadar produktiviti pertanian di beberapa buah negara Dunia Ketiga. Namun begitu strategi ini tetap mendapat kritikan hebat dari sesetengah golongan. Kenapakah begitu?

(100 Markah)

6. Apakah yang dimaksudkan dengan strategi pembangunan desa 'grassroots'. Berdasarkan kepada mana-mana satu strategi pembangunan desa 'grassroots' di Malaysia, bincangkan dengan kritis kedinamikan strategi ini dan potensinya untuk diperkembangkan secara lebih meluas ke peringkat negara.

(100 Markah)

- oooOooo -